

01 DEC 2000

MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat MT

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di ibu pejabat parti di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Mesyuarat itu bermula kira-kira pada pukul 3 petang.

Mesyuarat MT itu adalah mesyuarat pertamanya selepas Perhimpunan Khas yang membahaskan beberapa pindaan perlembagaan parti itu pada 18 Nov lepas.

Pada perhimpunan khas itu, perwakilan meluluskan 49 pindaan kepada perlembagaan parti termasuk bagi penubuhan Puteri Umno serta menetapkan supaya mesyuarat cawangan diadakan tiga tahun sekali serentak dengan mesyuarat bahagian dan MT.

Keputusan pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Lunas, Kedah Rabu lalu, yang dimenangi Parti Keadilan Nasional dijangka dibincangkan dengan hangat walaupun calon Barisan Nasional pada pilihan raya itu adalah dari MIC.

Pada pilihan raya kecil itu, Saifudin Nasution Ismail mengalahkan S.Anthonysamy (BN) dan N.Letchumanan (Bebas) dengan kelebihan 530 undi. BN ialah penyandang kawasan itu.

-- BERNAMA

APG AHH RI